

**Matrade Nafi Terlibat Dalam Penerbitan Direktori Perniagaan
Bernama
5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) hari ini menafikan penglibatan dalam penerbitan direktori perniagaan, "Malaysian Export and Industry Business Directory 2014-2015".

Dalam satu kenyataan, agensi penggalakkan eksport itu menjelaskan bahawa perbadanan itu tidak terbabit langsung dalam penerbitan tersebut.

Matrade menerima banyak pertanyaan daripada anggotanya yang meminta penjelasan berhubung direktori itu, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019519>